

23 SEP 1998

Ramli-BN

BN PERAK IKRAR SOKONG MAHATHIR

IPOH, 23 sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perak hari ini meluluskan resolusi menyatakan ikrar menyokong sepenuhnya Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan Pengerusi BN pusat.

Pengerusi BN Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, resolusi sokongan kesemua 23 Pengerusi BN Bahagian di negeri ini diluluskan pada mesyuarat mereka di kediaman Menteri Besar itu di sini petang ini.

"Mesyuarat itu turut menyokong sepenuhnya tindakan yang telah dan akan diambil oleh Dr Mahathir mengenai perkara-perkara yang berkaitan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucut daripada jawatan Kabinet dan dipecat daripada Umno", katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Menurut Ramli, kesemua pengerusi BN bahagian itu turut menyokong tindakan kerajaan bagi menyelesaikan masalah berbangkit daripada pemecatan tersebut.

Ramli yang memberi taklimat mengenai masalah yang timbul sehingga pemecatan Anwar, turut meminta pengerusi komponen BN tersebut menyampaikan taklimat yang sama kepada anggota parti di bahagian masing-masing.

Ketika ditanya sama ada Ketua Pemuda Umno Perak, Jamal Nasir Rasdi tidak menyokong resolusi Pergerakan Pemuda Umno yang menyatakan hilang kepercayaan kepada Ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi kerana gagal menandatangani resolusi itu semalam, Ramli berkata, Jamal tidak hadir kerana kesilapan maklumat mengenai tempat perjumpaan diadakan.

Menurutnya, Jamal akan menandatangani resolusi itu pada mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda yang dijadualkan esok.

Ramli juga berkata, mesyuarat itu yang merupakan mesyuarat pertama BN negeri selepas pelantikan mereka sebagai pengerusi bahagian turut berbincang mengenai persediaan awal BN Negeri menghadapi pilihan raya umum akan datang termasuk arahan mengemaskinikan bilik gerakan masing-masing.

Mesyuarat turut membincangkan usaha memulihkan ekonomi negeri termasuk menggalakkan orang ramai meningkatkan pengeluaran makanan serta menjalankan usaha menarik pelabur menanam modal di Perak, kata beliau.

-- BERNAMA

LAT NMO